

Dasar Belia Usu Dr. M

Perlu berteraskan agama, adat dan nilai hidup kita

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Ahad — Satu dasar belia kebangsaan yang sesuai bagi negara ini berteraskan kepada agama, adat dan nilai hidup yang terdapat di negara ini hendaklah diadakan, demikian kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, dalam menentukan dasar belia kebangsaan itu, soal nilai-nilai Islam patut dikaji dengan migh-

dalam dan dasar itu mestilah dipengaruhi oleh adat dan nilai hidup yang ada pada kita.

Berucap merasmikan seminar Dasar Belia Kebangsaan anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di sini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau yakin dasar tersebut yang cukup baik dan berkesan dapat dibentuk untuk menentukan wujudnya satu angkatan belia yang dapat mengambil alih daripada orang-orang dewasa kelak, sekiranya kita berpegang teguh dengan nilai-nilai dan kehendak ajaran agama Islam.

Begaimanapun beliau menambah, malangnya ajaran Islam sekarang ini mempunyai banyak tafsiran dan ada pula mereka yang memperalakan agama semata-mata untuk kepeng-

tingan mereka sendiri. Oleh yang demikian **serdapatlah** penyelesaian dan ini membawa kita jauh dari mesej asal ajaran kerana kita berpegang kepada agama yang tidak boleh tafsirannya yang boleh membawa kemunduran kepada belia kita, tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan belia khususnya yang beragama Islam supaya jangan hanya mengutamakan Islam dari segi luar saja tetapi hendaklah mengamalkan ajaran Islam yang sebenarnya dan mementingkan apa yang sebenarnya dituntut oleh Islam, misalnya dalam bidang menuntut ilmu, menambah pengetahuan dan melepaskan diri untuk memperthankan diri dan negara dari serangan musuh.

Meniru

Beliau juga mengingatkan belia di negara ini supaya berakap tidak lagi mudah terpengaruh dengan sikap-sikap yang buruk dari barat dan jangan mudah meniru orang asing dari barat tanpa mengambil kira dan mengkaji dengan mendalam dalam buruk baiknya terlebih dahulu.

Beliau juga menekankan bahawa dalam menentukan dasar belia kebangsaan, kita juga perlu mendapat panduan daripada apa yang telah berlaku (sejarah), apa yang sedang berlaku di sekeliling kita dan apa yang telah berlaku kepada orang lain.

Dengan membuat bandingan ini, dapat kita tentukan mana yang baik dan yang dapat diteladani dalam membentuk dasar belia kebangsaan kita, tambahnya.

No. Siri 11.261
No. Penerbitan 3074/87